

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi Perumahan Generasi Baharu FELDA sepanjang RMK-12 dan mengapa ada permohonan tanah rezab FELDA yang tidak diluluskan untuk diberikan kepada generasi Kedua FELDA bagi mendirikan kediaman mereka.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Rancangan Malaysia ke-12 di Dewan Rakyat pada 27 September 2021 antara lain telah memaklumkan bahawa isu perumahan generasi kedua FELDA akan ditangani dengan memperkenalkan model pembangunan perumahan berasaskan konsep bina sendiri. Melalui model ini, generasi kedua akan ditawarkan lot-lot kediaman untuk dijual dan seterusnya dibina sendiri berdasarkan reka bentuk standard yang disediakan.
2. Bagi melaksanakan program tersebut, FELDA telah mengenal pasti 5,000 lot kediaman di 48 tanah rancangan FELDA seluruh negara. FELDA akan mula mengadakan rundingan dengan kerajaan-kerajaan negeri terlibat bagi pemberimilikan tanah terbabit yang akan memudahkan penjualannya kepada generasi baharu FELDA.
3. Sementara itu, pembentukan kawasan penempatan di sebuah rancangan FELDA dibuat melalui pengisytiharan warta di bawah Seksyen 4, 5, & 6 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Sehubungan itu, sebarang permohonan tanah rezab FELDA untuk diberikan kepada generasi Kedua FELDA bagi mendirikan kediaman perlu melalui proses pemberimilikan oleh kerajaan negeri terbabit bagi memastikan kawalan penggunaan tanah.

Disediakan Oleh : Muhamad Aziyan Hussim
Ketua Penlong Pengarah
Bahagian Pertanian
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Telefon : 019-2464028

Disemak Oleh : Zaeidah Mohamed Esa
Pengarah
Bahagian Pertanian
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Telefon : 019-911 2360

Diluluskan Oleh : Datuk Yatimah Sarjiman
Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral)
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Telefon : 013-346 6939